



## **VISI**

Menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia.

## **MISI**

Kami menyediakan pendidikan teknikal berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak pemegang taruh dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

## **FALSAFAH**

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia, sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan penghayatannya yang berteraskan kepada nilai-nilai murni mampu melahirkan insan yang menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran sejagat.

## **NILAI TERAS**

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati
  - Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana
    - Cekal dalam menghadapi cabaran
      - Proaktif dalam tindakan

## **A. LATARBELAKANG**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bersetuju membentuk sebuah Jawatankuasa Induk Kajian/Penggubalan Dasar Akademik Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi tujuan menggariskan dasar akademik di UMP. Pembentukan jawatankuasa ini dilakukan selari dengan Bengkel Perancangan Strategik UMP 2008 di Awana Genting Highlands pada 12 – 15 Disember 2007 yang lalu.

Dasar Akademik yang akan dikeluarkan nanti adalah berbentuk buku panduan yang menerangkan tentang dasar dan peraturan pelaksanaan perkara-perkara berkaitan akademik secara menyeluruh. Di atas inisiatif ini, pihak Jawatankuasa Induk Kajian/Penggubalan Dasar Akademik UMP memutuskan untuk menganjurkan bengkel yang membincangkan tentang dasar akademik yang akan dikuatkuasakan dan digunakan oleh tenaga kerja dan pelajar UMP. Penganjuran bengkel ini amat penting bagi memastikan wujudnya pemahaman yang jelas mengenai semua dasar yang berkaitan hal ehwal akademik di UMP. Seterusnya dasar ini telah diluluskan semasa Mesyuarat Senat Kali Ke 68 Bilangan 7/2010 yang telah diadakan pada 7 September 2010.

## **B. SENARAI JAWATANKUASA KECIL**

- i. Dasar Pengambilan & Kemasukan Pelajar – Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)
- ii. Dasar Peperiksaan & Pengijazahan – Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)
- iii. Dasar Pengajaran & Pembelajaran – Timbalan Dekan Akademik, FKASA & Pengarah CAIC
- iv. Dasar Pengajian Berterusan – Pengarah CENFED
- v. Dasar Pengajian Siswazah – Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

# **BUKU DASAR AKADEMIK UMP**

## **I. PENDAHULUAN**

Dasar Akademik UMP mengandungi peraturan-peraturan yang perlu dibaca dan dipatuhi serta justifikasi atau rujukan, serta cadangan proses pelaksanaan dari awal hingga ke akhir. Asas pembangunan dasar akademik adalah berdasarkan kepada visi, misi, falsafah dan nilai teras UMP.

Bermula daripada pengambilan pelajar sehinggalah pelajar bergraduat, kecemerlangan dalam pembelajaran dan kebolehpasaran graduan merupakan objektif yang perlu dicapai. Dasar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran merupakan mekanisma terpenting yang memberi ruang bagi UMP membangun insan yang kompeten dari segi teknikal disamping pembangunan kemahiran insaniah.

Sehubungan itu, dasar Pengajaran & Pembelajaran perlu memberi penekanan terhadap metodologi pengajaran seperti pembelajaran berpusatkan pelajar (*Student Centered Learning*), penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menjadikan e-Pembelajaran sebagai 'enabler' dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang inovatif. e-Pembelajaran berupaya menjadikan UMP lebih berdaya saing dan kompetitif di peringkat global serta berupaya menyediakan graduan bertaraf dunia. Justeru, pembangunan dasar e-Pembelajaran dilihat semakin signifikan.

## **II. OBJEKTIF**

Buku Dasar Akademik UMP ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap pengurusan akademik di Universiti Malaysia Pahang bersistematik dan dapat menjadi rujukan semua pihak pada masa hadapan dengan menyentuh semua aspek dasar berkaitan akademik.

### III. SKOP

Dasar Akademik UMP terbahagi kepada beberapa dasar seperti berikut:

- a. Dasar Pengambilan Pelajar
- b. Dasar Pengajaran & Pembelajaran
  - i. Dasar Pembangunan & Penyemakan Kurikulum
  - ii. Dasar Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran
  - iii. Dasar Pelantikan Lembaga Pengajian & Pemeriksa Luar
- c. Dasar Penangguhan Pengajian
- d. Dasar Pengajian Siswazah
  - i. Dasar Pembangunan & Penyemakan Kurikulum Pengajian Siswazah
  - ii. Dasar Penaksiran Pengajian Siswazah
- e. Dasar Pengajian Berterusan

#### IV. TAKRIF

Dalam dasar ini, melainkan konteksnya mengkehendaki maksud yang lain:-

“**Universiti**” bermaksud Universiti Malaysia Pahang ;

“**Senat**” bermaksud Senat Universiti Malaysia Pahang ;

“**Dekan**” bermaksud ketua Fakulti yang dilantik Naib Canselor;

“**Fakulti**” bermaksud mana-mana fakulti, sekolah atau pusat pengajian di Universiti;

“**Penganugerahan**” bermaksud pengesahan Senat ke atas Pelajar yang telah memenuhi syarat untuk bergraduat ;

“**Program Akademik**” bermaksud program pengajian mengikut kurikulum yang diluluskan Senat untuk tujuan penganugerahan;

“**Kursus**” bermaksud kursus pengajian yang diluluskan Senat;

“**Pelajar**” bermaksud sesiapa yang telah menyempurnakan pendaftaran Kursus dan mengikuti Program Akademik di Universiti;

“**Mata Pelajaran**” bermaksud komponen kurikulum Kursus yang mempunyai kod tersendiri;

“**Mata Pelajaran Wajib**” bermaksud Mata Pelajaran yang menjadi syarat penganugerahan;

“**GPA**” (*Grade Point Average*) bermaksud purata mata nilai gred yang diperolehi bagi sesuatu semester;

“**CPA**” (*Cumulative Point Average*) bermaksud purata himpunan mata nilai gred yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“**Kredit Lulus**” bermaksud jumlah kredit semua Mata Pelajaran yang Pelajar perlu lulus untuk Penganugerahan;

“**Kredit Dapat**” bermaksud jumlah kredit yang diperolehi bagi Mata Pelajaran yang telah lulus;

“**Kredit Kira**” bermaksud jumlah kredit yang diambil kira dalam pengiraan GPA dan CPA;

“**Kredit Pindah**” bermaksud jumlah kredit yang diberikan kepada pelajar yang telah lulus Mata Pelajaran yang sama atau setara dari IPT lain;

“**Pengecualian Kredit**” bermaksud jumlah kredit yang diberikan kepada pelajar yang telah lulus Mata Pelajaran yang sama atau setara dari Universiti atau IPT lain dan tidak diambil kira dalam Kredit Kira;

“**Tahap Pengajian**” bermaksud tahap kekananan Pelajar dalam pengajian berdasarkan Kredit Dapat

“**Memorandum Persefahaman (MoU)**” bermaksud suatu nota atas butiran-butiran yang sama-sama termaklum oleh pihak-pihak terhadap sesuatu perkara atau transaksi. Dengan itu adalah jelas Memorandum Persefahaman akan dibuat oleh dua atau lebih pihak-pihak.

“**Surat niat**” bermaksud suatu surat (yakni mesej bertulis yang satu pihak sampaikan kepada pihak lain) yang meluahkan niat atau keinginannya. *Niat* itu dapat dilihat daripada apa yang diluahkan dengan nyata di dalam surat itu. Dengan itu niat pembuat surat itu hendaklah dilihat dan dipastikan melalui surat itu sendiri, dan bukan dari lain-lain sumber.

“**Perubahan kurikulum**” bermaksud apa-apa perubahan pada Struktur Kurikulum Program Pengajian - iaitu perubahan pada nama program pengajian, perubahan pada nama pengijazahan, perubahan pada jumlah jam kredit pengajian dan jumlah jam kredit bagi setiap semester, perubahan pada kursus-kursus pengajian yang ditawarkan dan perubahan kepada sinopsis kursus-kursus. Namun begitu, perubahan kurikulum tidak bermaksud penyusunan semula urutan kursus pengajian tanpa mengubah jumlah jam kredit setiap semester dan perubahan pada rancangan pengajaran kursus.

“**Kurikulum Program Pengajian**” adalah senarai kursus<sup>1</sup> berserta jumlah kredit yang wajib diperolehi bagi melayakkan seseorang pelajar itu mendapat penganugerahan program pengajian.

“**Lembaga Pengajian**” bermaksud kumpulan yang diwujudkan untuk memastikan sesuatu program pengajian yang dijalankan mencapai standard yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melulus dan badan-badan profesional.

---

<sup>1</sup> Kursus bermaksud matapelajaran

“**Pemeriksa Luar**” bermaksud seseorang yang dicadang untuk dilantik oleh pihak fakulti bagi memastikan kualiti program pengajian yang dijalankan oleh fakulti sentiasa terjamin.

“**Panel Industri**” bermaksud satu panel yang dibentuk oleh Universiti, Fakulti atau Pusat Kecemerlangan di Universiti untuk menasihati dan memberi maklumbalas mengenai kurikulum supaya sentiasa selari dengan kehendak pasaran kerja dan industri dengan memberi penekanan kepada formulasi objektif pembelajaran program dan hasil pembelajaran program

“**Francais**” bermaksud program yang meliputi program diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang dikendalikan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta terpilih sepenuhnya sementara jaminan kualiti dikendalikan oleh Universiti Malaysia Pahang.

“**Kawal Selia**” bermaksud program yang meliputi program diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang dikawal selia oleh Universiti Malaysia Pahang dengan pelaksanaan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta terpilih.

“**Pengajian Sepenuh Masa**” bermaksud program yang meliputi program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang dilaksanakan secara sepenuh masa

“**Pengajian Separuh Masa**” bermaksud program yang meliputi program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang dilaksanakan secara separuh masa

“**Bumiputera**” Takrif Bumiputera yang diguna pakai bagi urusan pemprosesan dan pemilihan kemasukan ke IPTA adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

“**Kemasukan Perdana**” ialah pengambilan pertama bagi sesi pengajian

“**Kurikulum**” bermaksud semua jenis pembelajaran yang telah dirancang atau ditentukan yang perlu dipelajari oleh pelajar dalam suasana dan lokasi yang formal.

“**Ijazah Kedoktoral Professional**” mengandungi komponen kerja kursus dan komponen penyelidikan yang setara dengan penyelidikan peringkat PhD

“**Program Pembangunan Profesional**” iaitu program yang meliputi program kursus jangka pendek dan seminar. Program ini dilaksanakan oleh CENFED dan rakan-rakan kerjasama dari agensi kerajaan, swasta dan industri.

“**Program Eksekutif**” iaitu program yang meliputi program sijil, diploma, bachelor dan master eksekutif.

## V. RUJUKAN

### Buku

**Sistem Peperiksaan Universiti** (Universiti Sains Malaysia)

**Buku Peraturan Akademik, Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda** (Universiti Teknologi MARA)

**Manual Bahagian Pengurusan Akademik** (Universiti Sains Malaysia)

**Buku Peraturan Akademik, Program Sarjana Muda & Diploma** (Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia)

### Internet

[www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)

[www.usm.my](http://www.usm.my)

[www.um.edu.my](http://www.um.edu.my)

[www.ukm.edu.my](http://www.ukm.edu.my)

[www.iium.edu.my](http://www.iium.edu.my)

[www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my)

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

### Lain-lain

#### **Program Pembangunan Profesional**

- MS ISO 9001:2000 (Latihan Luaran)
- Dasar Latihan Luaran

#### **Program Eksekutif**

- Garis Panduan Program Eksekutif



## **Program Separuh Masa**

- Peraturan Akademik Program Separuh Masa
- Dasar Pengambilan & Kemasukan Pelajar
- Dasar Peperiksaan & Pengijazahan
- Dasar Pengajaran & Pembelajaran
- Dasar Kualiti Akademik & Pengiktirafan

## **Program Kerjasama (Francais)**

- Peraturan Akademik Program Separuh Masa
- Dasar Pengambilan & Kemasukan Pelajar
- Dasar Peperiksaan & Pengijazahan
- Dasar Pengajaran & Pembelajaran
- Dasar Kualiti Akademik & Pengiktirafan
- Dasar Latihan Indsutri

## **SINGKATAN**

- i. BPKP – Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
- ii. JPT – Jabatan Pengajian Tinggi
- iii. KPTM – Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- iv. UMP – Universiti Malaysia Pahang
- v. UPU – Kemasukan Pelajar ke IPTA
- vi. STPM – Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
- vii. SPM – Sijil Pelajaran Malaysia
- viii. SPMV – Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
- ix. STAM – Sijil Tinggi Agama Malaysia
- x. PNGK – Purata Nilai Gred Kumulatif
- xi. NGMP – Nilai Gred Mata Pelajaran
- xii. IPTA – Institusi Pengajian Tinggi Awam
- xiii. IPTS – Institusi Pengajian Tinggi Swasta
- xiv. MUET – Malaysian University English Test
- xv. JKPT – Jawatankuasa Pengajian Tinggi
- xvi. TOEFL – Test of English as a Foreign Language
- xvii. IELTS – International English Language Test Service
- xviii. MS ISO 9001:2000 (Latihan Luaran)
- xix. Dasar Latihan Luaran
- xx. Garis Panduan Program Eksekutif
- xxi. Peraturan Akademik Program Separuh Masa